

21 OCT 1999

DR MAHATHIR LAWAT KOMPLEKS RAKAN MUDA FELDA

CHANGLON, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Kompleks Pusat Kegiatan Rakan Muda, Majlis Belia Felde di Felde Batu 8 di sini, serta beramah mesra dengan penduduk tempatan.

Perdana Menteri yang dalam lawatan dua hari ke Kedah juga menyampaikan basikal kepada 50 pelajar sekolah rendah dalam Mukim Sungai Laka dan menyampaikan wang bantuan kepada 51 orang tua dari mukim itu.

Setiausaha Kerja Umno Kubang Pasu Saad Hashim berkata setiap orang tua itu menerima RM100 hasil sumbangan pemimpin masyarakat di kawasan itu.

Kompleks itu merupakan pusat bagi remaja Felde di situ menjalankan aktiviti. Ia juga mempunyai 10 komputer.

-- BERNAMA

MZM MAI